



JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

Rujukan : UKM.BEN.400-6/12/1:2392

Tarikh : 6 November 2019

Dekan/ Pengarah/ Ketua Fakulti/
Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM),
Pusat Perubatan UKM (PPUKM)

Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERLANTIKAN PEMBEKAL DAKWAT PENCETAK BERJENAMA HP

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Universiti telah melantik satu (1) pembekal sebagai panel bagi membekalkan dakwat pencetak berjenama HP bagi pelbagai model seperti di Lampiran 1 sebagaimana yang diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Bil 10/2019 bertarikh 17 Oktober 2019. Tujuan lantikan panel dipusatkan pembelian kepada satu (1) pembekal adalah untuk mendapatkan harga yang lebih menjimatkan bagi keseluruhan Universiti disamping dapat memastikan dakwat pencetak yang dibekalkan adalah tulen daripada agen sah HP.

3. Maklumat pembekal yang dilantik sebagai panel adalah seperti berikut:

- i. Nama Pembekal : Rewanas Sdn Bhd (706165-K)
- ii. Kod Pembekal : LP4398
- iii. Alamat Pembekal : Rewanas Sdn Bhd
B-3-3, Kuchai Exchange
43, Jalan Kuchai Maju 13
58200 Kuala Lumpur
Tel: 03-7983 8811 / 9911
Faks: 03-7983 7211
- iv. Pegawai untuk dihubungi : Puan Noraini Abdul Wahab (016-379 2834)
(Bagi urusan tempahan dakwat pencetak)
- v. Tempoh Kontrak : 01 Disember 2019 hingga 30 November 2021 (2 Tahun)
- vi. No. Kontrak : UK.BEN/E/UPO 44/2019
- vii. Senarai Model dan Harga : Seperti Lampiran 1
(Senarai Model dan Harga Dakwat Pencetak)



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 62549



viii. Emel : aini@rewanas.com
(Bagi urusan tempahan dakwat pencetak)
sales@rewanas.com
(Bagi menyalurkan sebarang aduan berkenaan dakwat
pencetak)

4. Sehubungan dengan itu, semua PTj hendaklah menggunakan panel yang dilantik ini bagi dakwat pencetak berjenama HP sebagaimana model-model seperti Lampiran 1 untuk tempoh selama dua (2) tahun mulai **1 Disember 2019 hingga 30 November 2021**.

5. Untuk urusan pembelian, PTj boleh terus menghubungi panel dengan merujuk No. Kontrak, item dan model sebagaimana di perkara 3 dan Lampiran 1 tanpa perlu perbandingan sebutharga atau kajian pasaran. Jabatan Bendahari tidak akan memproses bayaran bagi sebarang pembelian dakwat pencetak berjenama HP yang dibuat selain daripada pembekal panel di atas bagi model-model seperti di Lampiran 1. Sebarang ketidakpatuhan ke atas perkara ini adalah menjadi tanggungjawab kakitangan PTj tersebut untuk menanggung kos pembelian yang telah dibuat.

6. Sekiranya PTj memerlukan dakwat pencetak HP atau jenama lain yang tiada sebagaimana di kontrak, kaedah perolehan adalah mengikut peraturan perolehan yang berkuatkuasa.

7. Edaran ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Disember 2019**. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan perkara ini boleh berhubung dengan Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari di talian 03-8921 5967/4438/5681.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02540



Bahagian Perolehan Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5967/4438/5033 Faks: +603-8921 4503 E-mel: shalmah@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

- s.k.
- Naib Canselor, UKM - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549



Bahagian Perolehan Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5967/4438/5033 Faks: +603-8921 4503 E-mel: shalmah@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari